

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERKONTEMA KE-10
DI HOTEL LEGEND
3 JULAI 2001

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada presiden dan ahli jawatankuasa Persatuan Kontraktor Telekomunikasi Malaysia atau PERKONTEMA kerana pada hari ini dapat mengadakan Mesyuarat Agungnya yang ke sepuluh. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PERKONTEMA kerana sudi menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung PERKONTEMA ini.

2. Saya difahamkan bahawa persatuan ini ditubuhkan hasil usaha kerajaan yang ingin menggalakkan para usahawan khasnya bumiputera melalui Telekom Malaysia untuk menceburi bidang perniagaan telekomunikasi. Pada hari ini usaha kerajaan itu telah berjaya mencetus dan membangun para usahawan PERKONTEMA dan ada di antaranya telah berjaya yang boleh menjadi kebanggaan kepada kita. Terdapat juga syarikat telekomunikasi tempatan yang berjaya dan yang boleh bersaing hebat dengan syarikat antarabangsa.

3. Saya diberitahu bahawa para kontraktor telekomunikasi di bawah program JKH (Jadual Kadar Harga) Telekom Malaysia pada hari ini kebanyakannya telah dapat mempertingkatkan kemampuan mereka bagi menghadapi cabaran dan persaingan dalam semua aspek di antaranya yang melibatkan kepakaran (skill), pengetahuan, teknologi dan kekuatan sumber atau infrastruktur.

4. Para kontraktor telekomunikasi khususnya usahawan bumiputera perlu lebih agresif dengan mengambil pendekatan strategik melalui perkongsian bijak sama ada sesama ahli PERKONTEMA ataupun dengan syarikat- syarikat bertaraf antarabangsa bagi memperkukuhkan keupayaan bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam projek-projek yang lebih besar. Jika boleh elok ditubuhkan sebuah konsortium yang diketuai oleh sebuah syarikat yang besar dan kerja-kerja kontrak itu diagih-agihkan sesama ahli PERKONTEMA. Dengan cara ini projek- projek dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditentukan demi kepentingan rakyat keseluruhannya. Kerajaan tidak mahu lagi mendengar rintihan atau aduan dari rakyat yang menyatakan ada projek yang terbengkalai atau ada projek yang telah siap tetapi tidak boleh digunakan disebabkan kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi.

5. Dalam menempuh alaf baru, persaingan ekonomi terus berubah. Kesannya terhadap ekonomi negara kita akan ditentukan sejauh mana para usahawan kita sanggup menerima perubahan itu. Misalnya, proses globalisasi, kita mestilah berwaspada kerana ekonomi-ekonomi serantau dunia sedang bergabung dengan begitu pantas dan dalam jangka masa yang singkat sempadan ekonomi atau economic borders akan hapus.

6. Begitu juga dalam jangka masa tiga tahun, oleh kerana penglibatan Malaysia dalam pertubuhan perdagangan dunia atau wto, kita terpaksa membuka luas industri-industri penting seperti perbankan, telekomunikasi dan perusahaan otomobil. dalam hal ini adakah kita sebagai usahawan sudah bersedia untuk berdepan dengan cabaran-cabaran yang saya sebutkan tadi. Masanya belum terlambat bagi usahawan-usahawan tempatan untuk bertindak.

7. Kerajaan akan terus memainkan peranan dalam membantu usahawan-usahawan tempatan khususnya usahawan bumiputera. Sebagai usaha berterusan bagi meningkatkan penyertaan aktif bumiputera, keperluan untuk memberikan sekurang-kurangnya 30 peratus kerja kontrak kepada kontraktor bumiputera terus dilaksanakan. Tetapi dalam masa yang sama usahawan-usahawan tempatan perlulah juga memperluaskan diri mereka dengan ilmu perniagaan sesuai dengan peredaran dunia niaga semasa. Usahawan-usahawan tempatan mestilah mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi serta bersedia untuk berdaya saing. Kita mesti bersedia untuk mengambil risiko dan bersedia pula untuk menerokai bidang-bidang yang baru selain perniagaan yang sedia ada.

8. Agensi kerajaan mahupun pihak swasta sememangnya bersedia untuk memberi kesempatan kepada kontraktor telekomunikasi tempatan menyertai peluang perniagaan dalam sektor ini. Beberapa tahun kebelakangan ini perkembangan dunia telekomunikasi dan teknologi maklumat kian memuncak dan permintaan bagi sistem komunikasi terbaru dan tercanggih begitu ketara. Dalam RM-8, sejumlah RM 2.1 billion akan dilaburkan untuk mencapai sasaran pembekalan perkhidmatan sejagat (USP) dengan pembiayaan utama daripada sektor swasta melalui sumbangan kepada dana USP. Ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang bertaraf dunia untuk berdaya saing untuk menghadapi cabaran global.

9. Saya percaya dengan saiz dana yang besar itu syarikat-syarikat kontraktor telekomunikasi tidak perlu lagi bimbang dan mengadu tidak ada kerja-kerja yang hendak dijalankan. Kerajaan akan membuat penilaian ke atas pencapaian dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh para kontraktor. Melalui kaedah ini kita boleh mengatur rancangan dan strategi pembangunan yang tersusun dan menepati sasaran. Dalam pada itu kerajaan masih menerima banyak aduan dari kontraktor atau pembekal yang melaksanakan projek atau perolehan kerajaan yang menghadapi masalah kelewatan menerima bayaran daripada agensi-agensi kerajaan. Kerajaan memandang serius terhadap kelewatan bil-bil berkenaan. Pembayaran hendaklah dibuat dengan segera tidak lewat sebulan dari tarikh ia diterima. Saya berharap semua pegawai atau ketua jabatan dapat mengambil tindakan segera menjelaskan semua bil yang tertunggak di agensi masing-masing. Tindakan yang sesuai hendaklah diambil ke atas pihak yang dikenal pasti sengaja melewati proses pembayaran. Saya bimbang sebarang usaha pihak-pihak tertentu melewati proses pembayaran bukan sahaja menyusahkan pihak kontraktor tetapi boleh menimbulkan pelbagai persoalan di sebalik kelewatan itu. saya berharap perkara ini tidak timbul lagi.

10. Syarikat atau pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang besar dan juga dari kalangan pengusaha luaran perlu juga prihatin kepada matlamat dan objektif kerajaan dalam membangunkan kontraktor atau para usahawan tempatan. Seperti yang saya sebutkan tadi syarikat-syarikat telekomunikasi besar perlu mengagihkan kerja dan menyalurkan kerja dengan saksama kepada kontraktor tempatan khususnya di kalangan mereka yang diwujudkan melalui program pembangunan kerajaan supaya kesinambungan dapat diteruskan bagi membawa mereka kepada peringkat yang lebih baik dan suatu masa dapat berdikari dan boleh terus maju pada masa depan.

11. Penyertaan kontraktor tempatan dalam projek berteknologi tinggi dengan skop atau bidang yang lebih luas akan memudahkan lagi memindahkan kepakaran dan meningkatkan lagi kemahiran kontraktor tempatan. Dengan demikian akan

mbolehkan kontraktor diketengahkan di peringkat antarabangsa. Saya juga ingin mengingatkan syarikat-syarikat yang telah diswastakan adalah tidak dibenarkan untuk memberi kontrak kepada syarikat yang secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh mereka atau pemegang sahamnya.

12. Ahli-ahli PERKONTEMA perlu menjalankan aktiviti serta mewujudkan program yang akan dapat mempertingkatkan kemajuan serta menjaga kepentingan ahli-ahlinya berbentuk jangka pendek dan panjang supaya usaha bersama dapat dinikmati dengan saksama.

13. Di samping itu kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah dan strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik dan menguntungkan. Kita akan terus berusaha untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dalam aktiviti yang mempunyai pengetahuan tinggi seperti MSC dan dalam industri bersaiz sederhana yang mempunyai teknologi khusus yang melibatkan modal intelektual yang tinggi dan modal pelaburan yang rendah.

14. Untuk makluman, satu jawatankuasa tertinggi telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi merangka pakej galakan khas bagi memenuhi kehendak khusus pelabur tertentu yang berminat untuk melabur di bidang keutamaan yang telah dikenal pasti. Melalui cara ini, Malaysia berhasrat untuk menarik pelaburan dalam bidang khusus yang dikenal pasti.

15. Bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini MIDA telah menerima permohonan fdi berjumlah RM5.137 billion yang melibatkan sektor pembuatan sahaja. Amerika Syarikat mendahului FDI berjumlah RM1.661 billion diikuti Korea Selatan (RM1.134 billion), Singapura (RM950.4 juta), Jepun (RM734.3 juta dan Taiwan (RM263.5 juta). Ini bermakna pelabur-pelabur asing begitu yakin dengan keadaan di negara ini yang stabil dari segi politiknya dan kondusif untuk pelabur melabur. Kerajaan juga ingin melihat 60% pelaburan dalam sektor pembuatan datangnya dari pelabur-pelabur tempatan.

14. Saya juga ingin menyeru agar ahli-ahli PERKONTEMA khasnya kontraktor JKH memberi sokongan dan galakan kepada ahli jawatankuasa dengan menyokong dan mengambil bahagian dalam setiap aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh jawatankuasa. Sifat saling membantu dan bekerjasama, berfikiran positif serta memberi keutamaan kepada persatuan dan ahli secara saksama adalah intipati ke arah kejayaan dan kemenangan. Jika kita memberi kepentingan diri daripada kepentingan persatuan, maka nescaya segala usaha bagi mencapai matlamat dan objektif satu hari nanti akan gagal.

15. Melalui persatuan kita mesti bergerak sehaluan dengan matlamat yang sama. Melalui persatuan juga kita akan dapat bergabung tenaga dan sumber bagi menjaga kebajikan ahli-ahli. Justeru itu, segala usaha dan pendekatan kita mesti meletakkan kepentingan persatuan. Jika berlaku pertelingkahan akibat daripada sifat tamak dan kepentingan diri maka satu hari akan timbul perpecahan dan kepincangan yang akan merosak jentera dan pentadbiran persatuan seterusnya merugikan semua pihak khususnya ahli-ahli sendiri.

16. Di samping itu, kontraktor atau para usahawan juga bertanggungjawab untuk menguruskan perniagaan dengan amalan dengan baik, jujur dan berjimat cermat supaya pada masa atau keadaan ekonomi yang kurang sihat kita masih dapat bergerak dan menempuh cabaran. Kekuatan syarikat banyak bergantung kepada

keupayaan, keteguhan dan prestasi lampau di mana membolehkan kita berjaya menyertai peluang perniagaan yang dicetuskan oleh kerajaan atau agensi kerajaan mahupun oleh syarikat swasta yang lain.

17. Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada ahli jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan semoga memperoleh kecemerlangan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung ke-10, Persatuan Kontraktor Telekomunikasi Malaysia pada hari ini.

Terima kasih.